



UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN AKHBAR**

**JEJAK PKS 2016 BERI PELUANG MEDIA DEKATI PKS TEMPATAN**

---

**26 Mei, Kuala Lumpur** - SME Corp. Malaysia sekali lagi memberi peluang kepada rakan-rakan media untuk mendekati PKS tempatan melalui penganjuran Program Jejak PKS bersempena dengan Minggu PKS 2016. Memasuki edisi ketiga penganjurannya pada tahun ini, Jejak PKS 2016 bakal menyaksikan rombongan wakil daripada SME Corp. Malaysia bersama-sama dengan rakan media melawat dan mendalami perniagaan PKS di Pahang, Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang dan Perak bermula dari 26 sehingga 30 Mei 2016.

Melalui Program Jejak PKS ini, pendedahan mendalam mengenai produk dan perkhidmatan PKS serta amalan perniagaan terbaik dan halatuju perniagaan PKS di Malaysia melalui penerbitan dan liputan yang akan dibuat oleh media yang turut serta. Menyasarkan seramai 20 pengamal media cetak dan media elektronik mewakili pelbagai organisasi, program ini akan memulakan perjalanan dari Lembah Klang pada hari ini. Rombongan Media ini akan memeriahkan Majlis Pelancaran Minggu PKS peringkat kebangsaan yang akan disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed di Sekolah Kebangsaan Gemang, Jeli pada 28 Mei 2016.

Upacara "*Flag Off*" telah disempurnakan oleh Pengurus SME Corp. Malaysia, Tan Sri Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Haji Abdul Majid pagi ini di perkarangan pejabat SME Corp. Malaysia, KL Sentral. Syarikat-syarikat yang bakal dikunjungi oleh rombongan Jejak PKS pada kali ini terdiri daripada pelbagai industri dan juga telah menerima bantuan melalui program-program kelolaan SME Corp. Malaysia dan juga agensi Kerajaan lain. Antara PKS yang akan terlibat adalah Zararich Enterprise, Teratak Spa, Farmstay iGROW dan lain-lain.

Selain itu, pelaksanaan program ini adalah sejajar dengan seruan YAB Perdana Menteri di dalam mempromosi dan mengiktiraf PKS yang telah berjaya dengan memberi liputan kisah kejayaan mereka untuk dikongsi dan dijadikan inspirasi kepada usahawan lain. Di samping mempromosi dan memberi pendedahan tentang perniagaan usahawan-usahawan ini, Program Jejak PKS ini juga diharapkan mampu memberi informasi dan juga menyokong usaha Kerajaan menggalakkan rakyat menceburi bidang keusahawanan.

Penganjuran Minggu PKS 2016 dan juga Program Jejak PKS ini dilihat dapat menarik minat usahawan dan dalam masa yang sama mencetuskan minat kepada anak-anak muda dan juga rakyat Malaysia untuk menjadikan perniagaan sebagai salah satu daripada punca pendapatan mereka. Kerjasama yang terjalin di antara pihak media dan SME Corp. Malaysia melalui Program Jejak PKS ini dilihat dapat memberikan impak yang positif memandangkan kedua-dua pihak memainkan peranan yang sangat penting ke arah merealisasikan misi dan matlamat Kerajaan di dalam pembangunan industri PKS di Malaysia.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan En Reza Kamal Ramli di 03-2775 6258 ([reza@smecorp.gov.my](mailto:reza@smecorp.gov.my)) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 ([muizzyusof@smecorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smecorp.gov.my)).

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>  
e-mail: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

## **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.